

29/06/1999

Persatuan bidas ahli korporat lemah semangat

KUALA LUMPUR, Isnin - Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) membidas sikap ahli korporat Malaysia yang tidak mempunyai semangat perniagaan tulen dan mengambil kesempatan daripada keadaan ekonomi serta politik semasa.

Presidennya, Datuk Moehamad Izat Emir, berkata sifat negatif golongan itu termasuk beralih menyokong parti pembangkang apabila merasakan kerajaan akan kalah dalam pilihan raya, menunjukkan mereka tidak setia dan tidak mempunyai semangat perniagaan serta kebangsaan yang tulen.

Moehamad berkata, golongan itu sebenarnya hanya menggunakan kemewahan ekonomi negara untuk kepentingan diri dan mengambil kesempatan daripada peluang yang diwujudkan kerajaan menerusi Dasar Ekonomi Baru.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kerajaan tidak memerlukan ahli korporat yang tidak tahu mengenang budi dan berterima kasih dengan jasa kerajaan selama ini.

(END)